

U B787 AAB
MAHATHIR - BMF R R R

KOTA BAHARU, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI BERKATA SKANDAL BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) TIDAK BOLEH DISELESAIKAN MELALUI SEBUAH SURUHANJAYA DIRAJA KERANA IA MERUPAKAN KES JENAYAH.

BELIAU BERKATA SIABATAN PERLU DILAKUKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI JENAYAH.

LAGIPUN SEBUAH JAWATANKUASA, DIKETUAI OLEH BEKAS KETUA AUDIT NEGARA, TAN SRI AHMAD NOORDIN ZAKARIA DAN DIANGGOTAI OLEH ENCICK RAMLI IBRAHIM DAN SEORANG PEGUAM ENCICK CHOOI MUN SOU, TELAH MENYIASAT SKANDAL ITU, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI CALON-CALON BARISAN NASIONAL (BN) KELANTAN DI BANGUNAN UMNO DI SINI.

+SEKARANG TAN SRI AHMAD NOORDIN DAN ENCICK CHOOI JELAS BERADA DI PIHAK PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MEMETIK TENGGU RAZALEIGH SEBAGAI MENYAMPUT BAIK PENUBUHAN SURUHANJAYA DIRAJA BAGI MENYIASAT SKANDAL BMF. BEKAS PENERUSI BMF, LORRAIN ESME OSMAN, TELAH MENUDUH TENGGU RAZALEIGH TERLIBAT DALAM SKANDAL ITU. -- LAGI
1610MST 18 10 90

D962

U B788 AAB
MAHATHIR - BMF 2 KOTA BAHARU R R R

BELIAU BERKATA, +SEKARANG KITA BERASA WAS-WAS SAMA ADA BENAR-BENAR JAWATANKUASA ITU BEBAS ATAU TIDAK.+

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA PERLETAKAN SENJATA OLEH PARTI KOMUNIS KALIMANTAN UTARA (PKKU) MEMBUKTIKAN KERAJAAN TELAH BERJAYA MELAWAN KOMUNIS.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI PERJANJIAN PERDAMAAN PERLETAKAN SENJATA OLEH 53 ANGGOTA BIRO KEDUA, PKKU YANG DIKETUAI OLEH SETIAUBAHANYA ANG CHU TING, 54, DI KUCHING SEMALAM.

KATANYA KOMUNIS MENGAMBIL LANGKAH ITU KERANA MEREKA TIDAK NAMPAK SAMA SEKALI MEREKA BOLEH BERJAYA. -- LAGI
1611MST 18 10 90

U B790 AAB
MAHATHIR - BMF 3 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA SELARAS DENGAN ITU, SEBUAH PARTI SOSIALIS DI NEGARA INI JUGA TELAH MENGELUARKAN PERKATAAN +SOSIALIS+ DARIPADA NAMA PARTINYA.

+INI KERANA IA TIDAK NAMPAK IA BOLEH BERJAYA DAN INI PUN MACAM LETAK SENJATA JUGALAH,+ KATANYA.

SEBELUM MENEMUI CALON-CALON BN KELANTAN ITU, PERDANA MENTERI BERJUMPA DENGAN BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA PARTI PEMBANGKANG TERMASUK PAS, BERJABA DAN HAMIM YANG MENYERTAI UMNO, DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB DI JKR 10, DI SINI. --
BERNAMA

1616MST 18 10 90